

From: Jabatan Pendaftar
Sent: Rabu, 4 November 2020 6:12 ptg
To: UUM - All Staff
Subject: MAKLUMAN SITUASI COVID-19 DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
Attachments: 4515_001.pdf


Contacts: Jabatan Pendaftar



Jabatan Pendaftar
REGISTRAR'S DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

04 NOVEMBER 2020
18 RABIULAWAL 1442H

MAKLUMAN SITUASI COVID-19 DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

	JABATAN PENDAFTAR REGISTRAR'S OFFICE Universiti Utara Malaysia 06010 UUM SINTOK KEDAH DARUL AMAN MALAYSIA	
		Tel: 604-928 3101/3199 Faks (Fax): 604-928 3104 Laman Web (Web): www.uum.edu.my
EDARAN DALAMAN SAHAJA		
		Rujuk Kami : UUM/PEN/P-7/6 Tarikh : 04 November 2020
Semua Staf Universiti Utara Malaysia		
Y. Bhg. Dato' /Y. Berusaha Prof./Tuan/Puan		
MAKLUMAN SITUASI COVID-19 DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA		
Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.		
2. Sepertimana Y. Bhg. Dato' /Prof./Dr./Tuan/puan sedia maklum, Pengurusan Universiti mengambil maklum tentang keadaan COVID-19 khususnya situasi di dalam kampus. Universiti sentiasa bekerjasama rapat dengan semua agensi yang terlibat dalam menangani penularan wabak tersebut dan pasukan Unit Persekitaran Pusat Kesihatan Universiti telah melakukan proses sanitasi di tempat-tempat yang terlibat.		
3. Staf yang ada kontak rapat dengan pesakit telah diarahkan menjalani ujian dan kuarantin di rumah masing-masing. Bagi staf Universiti yang mempunyai ahli keluarga yang diarahkan untuk menjalani ujian, staf berkenaan boleh memohon untuk bekerja dari rumah (BDR) dengan memaklumkan kepada ketua PTJ masing-masing dan menghantar salinan surat arahan kuarantin secara atas talian kepada Puan Sakinah Sabudin (012-4137383) atau Cik Nurul Husna Haris (013-4064238).		
4. Pengurusan Universiti ingin mengingatkan semua warga kampus supaya terus mengamalkan norma-norma baharu dengan memakai pelitup muka, kerap membasuh tangan dan elakkan berada di tempat yang sesak.		
5. Pengurusan Universiti juga menyeru staf untuk mengisi CODSA dengan jujur dan ikhlas bagi membantu Universiti mengekang penularan COVID-19. Jika Y. Bhg. Dato' /Prof./Dr./Tuan/puan mempunyai kontak rapat dengan pesakit yang positif COVID-19, Y. Bhg. Dato' /Prof./Dr./Tuan/puan boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah Kubang Pasu di talian 04-9171355 atau 019-4084011 untuk pertanyaan berkaitan ujian pengesanan COVID-19.		
Sekian, harap maklum.		
"KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA" "ILMU BUDI BAKTI"		
Saya yang menjalankan amanah		
		
(BAHARUDIN BIN YAACOB) Pendaftar Universiti Utara Malaysia s.k - Y.Bhg Dato' Naib Canselor		
Universiti Pengurusan Terkemuka The Eminent Management University		
		

Sekian, terima kasih.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.